



**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
(MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA)**

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel. : 603-8000 8000
Faks : 603-8891 7100
Portal Rasmi : www.motac.gov.my

MOTAC.600-4/1/42 Jld. 3 (30)
18 Januari 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**LARANGAN LAWATAN KE LADANG UNTA SEBAGAI LANGKAH PENTING
PENCEGAHAN PENYAKIT "MIDDLE EAST RESPIRATORY SYNDROME
CORONAVIRUS" (MERS-CoV)**

Dengan hormatnya saya memohon menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada surat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 4 Januari 2017, No. Rujukan KKM.600-29/4/133 Jld. 2 (1) dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman sehingga 19 Disember 2016, sejumlah 1,864 kes disahkan MERS-CoV telah dilaporkan diseluruh dunia dengan melibatkan 659 kematian di mana 80% kes berlaku di Timur Tengah khususnya di Arab Saudi. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan di negara-negara arab khususnya Arab Saudi, Qatar, Oman dan Mesir, didapati wujud perkaitan diantara virus MERS-CoV dan unta.

3. Kementerian Kesihatan Arab Saudi turut mengesan virus MERS-CoV dari unta di ladang unta yang ada kaitan dengan pesakit MERS-CoV. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Arab Saudi telah mengeluarkan nasihat agar tiada lawatan dibuat ke ladang-ladang unta kepada jemaah yang menunaikan umrah / haji. KKM turut mengambil pendekatan yang sama dengan mengeluarkan larangan yang serupa sebelum ini.

4. Walaubagaimanapun, akhir-akhir ini terdapat beberapa jemaah yang pulang telah menjalani rawatan jangkitan saluran pernafasan dan dirawat sebagai kes disyaki MERS-CoV. Hasil siasatan yang dijalankan mendapati, para

PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN PEMANGKIN PERPADUAN



Malaysia
Truly Asia



Dekat Je

jemaah tersebut telah dibawa melawat ke ladang unta dan telah diberi susu unta mentah untuk diminum. Pihak KKM khuatir sekiranya aktiviti lawatan ke ladang unta ini diteruskan, lebih ramai jemaah Malaysia akan terdedah kepada jangkitan penyakit MERS-CoV dan seterusnya berisiko untuk menyebarkannya kepada rakyat tempatan dan boleh menyebabkan kematian.

5. Berdasarkan pemakluman di atas, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ingin menyarankan supaya semua pengendali umrah di Malaysia untuk patuh kepada larangan yang telah dikeluarkan oleh pihak KKM dengan tidak membawa jemaah ke ladang-ladang unta semasa mereka berada di Tanah Suci bagi bersama-sama membantu mencegah penularan wabak MERS-CoV di Malaysia.

6. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk membuat hebahan mengenai larangan ini kepada ahli persatuan masing-masing. Bersama-sama ini dikemukakan Larangan Lawatan Ke Ladang Unta Sebagai Langkah Penting Pencegahan Penyakit "*Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus*" (MERS-CoV) untuk tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SITI NOR BINTI-MINU)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pelesenan Pelancongan
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

s.k :

- i. YBhg. Datuk KSU
- ii. YBrs. TKSU (PL)

SENARAI EDARAN :

1. Presiden
Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)
Wisma MATTA
No.6, Jalan Metro Pudu 2
Fraser Business Park
Off Jalan Yew
55100 KUALA LUMPUR

2. Presiden
Bumiputera Travel and Tour Agents Association
of Malaysia (BUMITRA)
Unit F-43-3, Tingkat 3
Blok F, Plantinum Walk
No.2, Jalan Langkawi
Taman Danau Kota
53300 KUALA LUMPUR
3. Presiden,
Malaysian Chinese Tourism Association (MCTA)
2-3A, Jalan Pandan 2/1, Pandan Jaya
55100 KUALA LUMPUR
4. Presiden,
Malaysian Indian Tour and Travel Association (MITA)
G-01, Straits Trading Building
No. 2, Lebuhr Pasar Besar
50050, KUALA LUMPUR
5. Presiden
Malaysia Inbound Chinese Association (MICA)
221, Tingkat 3, Wisma LTS
Jalan Pudu
55100 KUALA LUMPUR
6. Presiden
Malaysia Inbound Tourist Association (MITA)
Lot 4107 Tingkat 4, Wisma Central, Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR